

Lebih banyak pusat latihan bina semangat akan ditubuh - Mahathir

KUALA LUMPUR 9 Nov. - Kerajaan akan menubuhkan lebih banyak pusat latihan bina semangat di seluruh negara dalam usaha membentuk peribadi dan budaya pentingkan kualiti di kalangan pekerja.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, pusat - pusat latihan bina semangat yang sedia ada hanya mampu melatih 9,000 orang pekerja setahun sedangkan negara mempunyai berjuta orang pekerja.

Oleh itu, kerajaan telah meminta Kementerian Kewangan menyediakan peruntukan khas bagi membina lebih banyak pusat latihan semangat khusus untuk melatih pekerja - pekerja, katanya kepada para pemberita selepas menyampaikan Anugerah Kualiti Perdana Menteri di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, adalah menjadi harapan dan cita - cita kerajaan agar setiap pekerja di sektor awam dan swasta akan lebih komited kepada tugas dan tanggungjawab mereka untuk mencapai tahap kualiti dalam semua urusan kerja.

"Konsep kawalan kualiti keseluruhan yang diperkenalkan berkehendakkan semua pekerja termasuk pengurus mementingkan kualiti supaya akhirnya setiap ker-

ja mereka dihasilkan tanpa kecacatan sedikitpun (*zero defect*)," kata Perdana Menteri.

Sehubungan itu, beliau menggesa semua pihak memberi tumpuan kepada soal pembentukan sikap sebagai pelaburan yang akan membawa hasil jangka panjang.

Katanya, slogan 'pelanggan sentiasa betul' hendaklah menjadi pegangan semua.

"Dalam usaha untuk meningkatkan mutu kerja demi kualiti, seseorang pekerja hendaklah menganggap pekerja lain yang akan menerima hasil kerjanya sebagai pelanggan.

"Ini bermakna jika kita bekerja sebagai pekerja barisan pemasangan, maka kerja yang akan kita buat mestilah berkualiti supaya pekerja yang menerima hasil kerja kita mendapati tidak ada kecacatan, kerana ia adalah pelanggan kita.

"Jika kita menerima konsep pelanggan seperti yang ditafsirkan ini, maka kualiti akan dijaga sepanjang masa dan sudah tentu kemungkinan hasil kerja yang cacat dapat dikurangkan sehingga sifar (*zero*)," jelas Perdana Menteri.

Menurut beliau, andainya hasil kerja seseorang itu dinikmati oleh orang lain, dalam masyarakat yang mengutamakan kualiti, se-

tiap pekerja akan dapat menikmati hasil kerja berkualiti yang dibuat oleh orang lain.

Pendek kata, masyarakat yang mengutamakan kualiti, akan menikmati kualiti dalam kehidupan. Lebih dari itu, masyarakat yang mengutamakan kualiti pasti akan berjaya dan dihormati, katanya.

Perdana Menteri menegaskan, sikap memainkan peranan penting dalam pembentukan budaya kerja berkualiti dan cemerlang.

"Jika kita menghargai nilai yang mulia seperti amanah, bertanggungjawab, kerajinan dan lain - lain dan mengamalkannya maka kita akan mempunyai sikap yang sesuai untuk kejayaan," tambah Dato' Sri Dr. Mahathir.

Sikap yang sesuai tidak wujud dengan sendirinya. Dalam hal ini, ibu bapa dan guru boleh memainkan peranan membentuk sikap yang boleh membawa kejayaan.

Menurut Perdana Menteri, Gerakan Budaya Kerja Cemerlang bukanlah kempen yang singkat tetapi merupakan proses yang melibatkan maruah diri, keluarga, organisasi, masyarakat dan negara untuk mencapai kualiti hidup yang cemerlang.

Oleh kerana itu, Majlis Tertinggi Gerakan Budaya Kerja Cemerlang, dibentuk Julai lepas untuk menjayakan gerakan kualiti di seluruh negara.